

1978

PULAU PINANG, 26 MAC (BERNAMA) — JAWATANKUASA KHAS PELABURAN YANG DIKETUAI OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SEDANG MEMERHATIKAN SEMUA AGENSI YANG TERLIBAT DENGAN PELABURAN DENGAN TUJUAN MENYELARASKAN KEGIATAN MEREKA SERTA MENGURANGKAN PERATURAN-PERATURAN BIROKRATIK SEBERAPA YANG BOLEH.

JAWATANKUASA ITU AKAN JUGA MENELITI BEBERAPA PENTAFSIRAN DASAR-DASAR YANG TELAH MENIMBULKAN SUNGUTAN SERTA MENERUHKAN SUASANA PELABURAN DI NEGERI INI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR HARI INI.

MENURUT BELIAU, JAWATANKUASA ITU MEMBERIKAN PERHATIAN KHAS KEPADA PERLAKSANAAN UNDANG-UNDANG DAN DASAR YANG SEDIA ADA SEBELUM DAPAT MENIMBANG KEMUNGKINAN MENGADAKAN UNDANG-UNDANG ATAU DASAR DASAR BARU KERANA DI PERINGKAT INILAH WUJUDNYA SALAHFAHAM DAN KEBIMBANGAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BERUCAP DEMIKIAN DI PERAYAAN ULANGTAHUN KE-75 DEWAN PERNIAGAAN CHINA PULAU PINANG DI SINI.

BELIAU MENEGASKAN DENGAN MEMBERIKAN TAFSIRAN YANG BETUL TENTANG UNDANG-UNDANG DAN DASAR-DASAR KERAJAAN, BANYAK KEBIMBANGAN DAN KERAGUAN AKAN DAPAT DIHAPUSKAN. -- BERSAMBUNG 1444/ZCM

££

B534:

MAHATHIR 2 PULAU PINANG

KATANYA SEBAGAI CONTOH, MASIH TERDAPAT KEBIMBANGAN DI KALANGAN PARA PELABUR SWASTA TENTANG MAKNA DAN MAKSUD SEBENAR AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN (ICA).

BELIAU MENYATAKAN KEMENTERIANNYA TELAH MENERIMA BANYAK SYOR DARI DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN DAN PERSATUAN-PERSATUAN PEKILANG MENGENAI AKTA TERSEBUT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN BAHAWA SEMUA SYOR TERSEBUT TELAH DIKAJI DENGAN PENUH TELITI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENJELASKAN BAHAWA TUJUAN UTAMA AKTA TERSEBUT IALAH UNTUK MENJAMIN PENGLUASAN INDUSTRI SECARA TERSUSUN.

IA, TAMBAHNYA, BUKAN BERTUJUAN UNTUK MENGHALANG, MENCEGAH ATAU MENGHADKAN PERTUMBUHAN PELABURAN SWASTA DI NEGERA INI.

KATANYA, SEKIRANYA AKTA TERSEBUT BENAR-BENAR BERTUJUAN SEBALIK-NYA, SUDAH TENTU PARA PELABUR YANG ADA SEKARANG TIDAK AKAN MEMPERBESARKAN PROJEK-PROJEK MEREKA ATAU MELIBATKAN DIRI DALAM PENGELUARAN BARANG-BARANG BARU.

MENURUT BELIAU, DARI SEJUMLAH 394 PERMOHONAN YANG DITERIMA PADA TAHUN 1976, SEBANYAK 183 ADALAH DARI PARA PEKILANG YANG SEDIA ADA YANG MEMOHON KELULUSAN UNTUK MELUASKAN KEGIATAN MEREKA.

BEGITU JUGA PADA TAHUN LALU DARI SEBANYAK 429 PERMOHONAN YANG DITERIMA, SEJUMLAH 150 ADALAH UNTUK MEMPERLUASKAN INDUSTRI MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI JAMINAN KEPADA PARA PELABUR BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN MENJEJASKAN KEGIATAN MEREKA YANG TELAH MENDATANGKAN HASIL KEPADA NEGARA. -- BERSAMBUNG 1500/ZCM

BELIAU MENGGESA MEREKA YANG MEMPUNYAI MASALAH SUPAYA MENGE-MUKAKANNYA DAN MENJELASKAN DIMANA TINDAKAN PERLU PATUT DIAMBIL UNTUK MEMBETULKAN ANOMALI.

KERAJAAN TELAH MEMBUKTIKAN DARI MASA KESEMASA BAHAWA IA BERSIKAP FLEKSIBEL DAN MELAYANI TUNTUTAN DAN MASALAH-MASALAH YANG REALISTIK DARI SEKTOR SWASTA.

BELIAU BERKATA, PADA MULANYA DI BAWAH AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN SEMUA PROJEK PEKILANGAN DIKEHENDAKI MENDAPAT KEBENARAN, TETAPI SEKARANG INI HANYA MEMERLUKAN KEGIATAN PERKILANGAN YANG TERTENTU BESARNYA SUPAYA DILESENKAN.

PROJEK-PROJEK YANG MENGGUNAKAN WANG PEMEGANG SAHAM DIBAWAH \$250,000 DAN YANG MENGGUNAKAN KURANG DARIPADA 25 ORANG PEKERJA SEPENUH MASA SEKARANG INI DIKECUALIKAN DARIPADA PERUNTUKAN AKTA INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN JUGA BERSEEDIA MENIM-BANGKAN UNTUK MENGENEPIKAN SYARAT-SYARAT TERTENTU BERGANTUNG KEPADA MERIT SESUATU KES.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN TERUS MELAKSANAKAN AKTA ITU SECARA PRAGMATIK DAN FLEKSIBEL DAN SEKIRANYA SYARAT-SYARAT YANG DIPERSETUJUI DIDAPATI MENIMBULKAN MASALAH, KERAJAAN BERSEEDIA UNTUK MENIMBANGKANNYA. — BERSAMBUNG 1503/ZCM

MAHATHIR 4 PULAU PINANG

BELIAU MENJELASKAN HINGGA SEKARANG INI, BELUM ADA SATU PERUSAHAAN PERKILANGAN PUH YANG DITOLAK PERMOHONAN BAGI MENDAPATKAN LESEN SEMATA-MATA KERANA AKTA TERSEBUT.

BELIAU MENYERU PEKILANG-PEKILANG YANG BELUM LAGI MEMOHON LESEN ICA SUPAYA BERBUAT DEMIKIAN SEGERA KERANA JIKA TIDAK TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP MEREKA.

BELIAU JUGA MENERANGKAN TENTANG SALAH FAHAM YANG TIMBUL MENGENAI DASAR PENYERTAAN EKUITI KERAJAAN DALAM BIDANG DASAR EKONOMI BARU.

DALAM PROJEK-PROJEK PEKILANGAN, HAMPIR KESEMUA PROJEK YANG MELIBATKAN PENYERTAAN EKUITI RAKYAT MALAYSIA ADALAH DIKEHENDAKI MENGUNTUKKAN SEKURANG-KURANGNYA 30 PERATUS DARI SAHAM YANG DI-KELUARKAN UNTUK DIJUAL KEPADA BUMIPUTERA.

BELIAU MENEKANKAN BAHAWA PELAKSANAAN SYARAT INI ADALAH FLEKSIBEL DAN TIDAK ADA PROJEK YANG TELAH ATAUPUN YANG AKAN DITAHAN DARI DILAKSANAKAN SEMATA-MATA KERANA IA TIDAK DAPAT MEMENUHI SYARAT INI.

KATANYA, PERUNTUKAN SAHAM BAGI BUMIPUTERA INI AKAN DIKETEPIKAN SEKIRANYA SYARIKAT BERKENAAN GAGAL MENDAPATKAN PIHAK BUMIPUTERA YANG SESUAI UNTUK MEMBELI SAHAM-SAHAM EKUITI, WALAUPUN IA TELAH MENCUBA SEDAYA UPAYA.

DALAM HAL INI, SYARIKAT ITU BOLEHLAH MEMATUHI SYARAT YANG TELAH DILULUSKAN SELEPAS BEBERAPA TAHUN APABILA SAHAM-SAHAM YANG DIPER-UNTUKKAN ITU TIDAK PERLU DIJUAL DENGAN HARGA MUKA TETAPI EMNURUT HARGA PASARAN YANG DIPERSETUJUI BERSAMA. — BERSAMBUNG 1517/ZCM

££
B546:

MAHATHIR 5 PULAU PINANG

KETUA MENTERI PULAU PINANG, DR. LIM CHONG EU DALAM UCAPANNYA MENGGESA PARA PENIAGA DAN USAHAWAN MENGADAKAN LEBIH BANYAK PROJEK USAHASAMA DAN MENGGUNAKAN SEPENUHNYA SEGALA KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN DI KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS.

BELIAU BERHARAP PERUSAHAAN-PERUSAAAAN KECIL YANG SEDIA ADA DI NEGERI INI AKAN DAPAT DIPERBESARKAN UNTUK MENDAPAT PASARAN YANG LEBIH BESAR. — BERNAMA 1518/ZCM